Bahasa Sepanyol

Bahasa Sepanyol merupakan salah satu bahasa yang berasal daripada Bahasa Latin. Bahasa ini digunakan oleh ramai orang di dunia pada masa kini. Hal ini merupakan sebahagian dari kesan-kesan penjelajahan dan penjajahan orang Sepanyol pada masa lampau. Mereka membina banyak negara baru dan juga memulakan kerajaan baru di negara-negara yang sudah lama wujud.

Berikut merupakan beberapa contoh tempat di mana bahasa Sepanyol digunakan sebagai bahasa yang penting:

Di Amerika Utara, Amerika Tengah, dan di Kepulauan Karibia: Costa Rica, Cuba, Republik Dominika, Guatemala, Honduras, Mexico, Nicaragua, Panama, Puerto Rico, dan El Salvador. Walaupun lebih ramai orang menggunakan Bahasa Inggeris dalam pertuturan di Amerika Syarikat, Bahasa Sepanyol merupakan bahasa kedua terbanyak dipertuturkan di negara tersebut.

Di Amerika Selatan: Argentina, Bolivia, Chile, Colombia, Ecuador, Guyana, Paraguay, Peru, Uruguay, Venezuela.

Di tempat-tempat lain di dunia: Filipina, dan Guinea Khatulistiwa.

Di Sepanyol, terdapat beberapa bahasa lain digunakan di samping bahasa Sepanyol, seperti bahasa Catalonia dan Galicia, yang berkait rapat dengan bahasa Sepanyol dari segi salasilah famili bahasa Italik. Bahasa Basque juga turut ditutur, tetapi tidak berkait rapat dengan bahasa Sepanyol. Oleh kerana itu, bahasa Sepanyol kadangkala dipanggil sebagai **Castilian**, dinamakan sempena Castile, satu kawasan di Sepanyol.

Perkataan Sepanyol bagi bahasa Sepanyol ialah "español", dan perkataan Sepanyol bagi Castilian ialah "castellano".

Isi kandungan

Bilangan penutur mengikut negara
Sistem tulisan
Rujukan
Pautan luar

Bahasa Sepanyol

español, castellano

Wilayah	Sesetengah dari Eropah, kebanyakan dari Amerika Tengah dan Amerika Selatan, sesetengah bahagian dari Amerika Utara dan Caribbean; dan enklaf dan kumpulan immigran pada semua benua
Penutur asli	550 juta, 500 juta dimana adalah penutur asli (*tiada tarikh*)
Keluarga bahasa	Bahasa Indo-Eropah ▪ Italik ▪ Romawi ▪ Italo-Barat ▪ Gallo-Iberia ▪ Ibero-Romawi ▪ Iberia Barat ▪ **Bahasa Sepanyol**
Status rasmi	
Bahasa rasmi di	Argentina, Bolivia, Chile, Colombia, Costa Rica, Cuba, Republik Dominican, Ecuador, El Salvador, Guinea Khatulistiwa, Kesatuan Eropah, Guatemala, Honduras, Mexico, Nicaragua, Panama, Paraguay, Peru, Puerto Rico, Sepanyol, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Uruguay, dan Venezuela.
Dikawal oleh	Asociación de Academias de la Lengua Española (Real Academia Española dan 21 lain kebangsaan akademi bahasa Sepanyol)
Kod bahasa	
ISO 639-	es

Bilangan penutur mengikut negara

Berikut adalah senarai bilangan penutur bahasa Sepanyol yang dianggarkan di pelbagai rantau di dunia di mana bahasa ini sedang atau pernah kuat berpengaruh.

	Negara	Bilangan penutur asli menurut Ethnologue[1], tahun 1995 melainkan dinyatakan
1	Mexico	86,211,000
2	Sepanyol	28,173,600 (1986)
3	Colombia	34,000,000
4	Argentina	33,000,000
5	Venezuela	21,480,000
6	Peru	20,000,000
7	Chile	13,800,000
8	Cuba	10,000,000
9	Ecuador	9,500,000
10	Republik Dominica	6,886,000
11	Guatemala	4,673,000
12	Honduras	5,600,000
13	Bolivia	3,483,700
14	El Salvador	5,900,000
15	Nicaragua	4,347,000
16	Paraguay	186,880
17	Costa Rica	3,300,000
18	Puerto Rico	3,437,120 (1996)
19	Uruguay	3,000,000
20	Panama	2,100,000
21	Guinea Khatulistiwa	11,500 (1993)
22	Filipina	2,658 [2]

1

ISO 639- spa

2

[[File:

Peta dunia Hispanofon,

dengan negara atau kawasan penutur-Sepanyol major ke minor.

|300px]]

Berikut merupakan senarai bilangan penutur bahasa Sepanyol di tempat-tempat di dunia di mana bahasa ini merupakan bahasa minoriti.

	Negara	Bilangan penutur
1	Amerika Syarikat	32,200,000(b)
2	Kanada	245,000[3]
3	Belize	206,404[4]
4	Rusia	34,678[5]
5	Maghribi	57,132 (c)
6	Gibraltar	24,000 (d)

(b) hanya melibatkan penduduk berumur 5 tahun atau lebih. Selain itu, sesiapa yang menutur bahasa ini sewaktu kerja atau dalam persekitaran lain tetapi bukan di rumah tidak termasuk di sini[6]

(c) Meskipun dijadikan sebahagian empayar Sepanyol, bahasa dan budaya Arab masih merupakan hasil kebudayaan yang dominan di Sahara Barat. Bahasa Sepanyol hanya ditutur oleh expatriat berbahasa Sepanyol dan orang berketurunan Sepanyol.

(d) Kebanyakan orang Gibraltar dapat bertutur dalam bahasa Inggeris dan Sepanyol kerana kedekatan wilayah British Gibraltar kepada negara Sepanyol. Meskipun kedua-dua bahasa ini paling banyak ditutur penduduk wilayah berkenaan (bersama-sama bahasa gabungannya Llanito), bahasa Inggeris masih merupakan satu-satunya bahasa rasmi di Gibraltar.

Sistem tulisan

Bahasa Sepanyol ditulis menggunakan huruf rumi, dengan penambahan aksara "ñ" (*eñe*) yang melambangkan fonem /ɲ/ (bersamaan bunyi *ha**ny**a* dalam bahasa Melayu) dan dianggap sebagai huruf yang berbeza daripada "n", meskipun dihuraikan secara tipografikal sebagai "n" dengan tanda tilde. Dwihuruf "ch" ([*che*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan)) dan "ll" ([*elle*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan)) juga dianggap sebagai huruf tunggal dengan nama dan kedudukan sendirinya dalam susunan huruf, kerana setiap satunya mewakili satu fonem tunggal (masing-masing /tʃ/ dan /ʎ/). Sungguhpun begitu, dwihuruf "rr" ([*erre doble*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan), "r" ganda, atau [*erre*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan)) yang dibandingkan dengan [*ere*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan)) /r/, tidak dianggap sebagai huruf tunggal. Maka, susunan abjad Sepanyol tradisi mempunyai 28 huruf (29 jika mengambil kira "w" yang hanya didapati dalam kata pinjaman dan nama asing):

a, b, c, **ch**, d, e, f, g, h, i, j, k, l, **ll**, m, n, **ñ**, o, p, q, r, s, t, u, v, (w), x, y, z.

Sejak tahun 1994, kedua-dua dwihuruf tersebut dianggap sebagai pasangan huruf bagi tujuan pengumpulsemakan. Mana-mama perkataan yang mengandungi "ch" kini diisih dalam susunan huruf di antara perkataan yang mengandungi "ce" dan "ci", dan bukannya menyusuli "cz" sebelum ini; begitu juga untuk "ll". Namun begitu, nama-nama *che* dan *elle* masih digunakan secara tidak formal.

Sebutan sesuatu perkataan boleh ditentukan sepenuhnya menurut ejaan, kecuali sebilangan kecil istilah geografi seperti *México*. Sesuatu perkataan Sepanyol yang biasa menekankan suku kata kedua terakhir (maksdunya, suku kata terlibat ditinggikan intonasinya) jika berakhir dengan huruf vokal (tidak termasuk *y*) atau dengan huruf konsonan *n* atau *s*; jika tidak maka suku kata terakhirlah yang ditekankan. Pengecualian kepada hukum ini ditandai dengan membubuh tanda akut pada huruf vokal yang ditekankan.

Tanda akut juga digunakan untuk membezakan antara homofon tertentu, terutamanya apabila salah satunya ditekan dan yang lain bukan: bandingkan [*el*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) (kata sandang tentu jantan) dengan [*él*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) ("ia"), ataupun [*te*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) ("kamu", kata ganti nama objek), [*de*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) (kata depan "dari"), dan [*se*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) (kata ganti refleksif) dengan [*té*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) ("teh"), [*dé*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) ("beri") dan [*sé*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) ("Saya tahu", atau kata imperatif "ialah").

Kata-kata ganti tanya ([*qué*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan), [*cuál*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan), [*dónde*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan), [*quién*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan), dsb.) juga menerima tanda bunyi sedemikian dalam soalan-soalan langsung dna tidak langsung; lebih-lebih lagi sebilangan kata penunjuk ([*ése*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan), [*éste*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan), [*aquél*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan), dsb.) boleh ditanda apabila digunakan sebagai kata ganti nama. Kata penghubung [*o*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) ("atau") ditulis dengan tanda akut antara angka-angka agar tidak dikelirukan dengan angka sifar: cth., [*10 ó 20*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) sepatutnya disebut [*diez o veinte*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) dan bukannya [*diez mil veinte*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) ("10, 020"). Tanda akut sering digugurkan dalam huruf besar (melalui amalan yang berleluasa pada zaman awal komputer apabila cuma huruf vokal kecil mempunyai tanda berkenaan), meskipun ditegah oleh pihak RAE.

Dalam kes-kes yang jarang, "u" ditulis dengan tanda diaeresis ("ü") apabila ditulis di antara "g" dan satu huruf vokal hadapan ("e" atau "i"), untuk menandakan bahawa huruf "u" itu mesti disebut, dan bukannya bisu seperti biasa (cth., *cigüeña*, "stork", disebut /θiˈɰweɲa/; jika ditulis sebagai *cigueña*, maka sebutannya /θiˈɰeɲa/).

Klausa pertanyaan dan seruan dimulakan dengan tanda soal (¿) dan seru (¡) yang songsang, lalu diakhiri dengan tanda soal (?) dan seru (!) yang biasa.

Rujukan

1. http://www.ethnologue.com/show_language.asp?code=spa
2. 2,658 penutur asli, mengikut Banci 1990. *Instituto Cervantes de Manila*, Majlis Pendidikan dan Kedutaan Sepanyol di Manila (*Consejería de Educación de la Embajada de España en Manila*) pada tahun 2006 dan Akademi Bahasa Sepanyol Filipina (*Academia Filipina de Lengua Española*) pada tahun 2006 menganggarkan lebih 3 juta. Namun begitu, tiadanya statistik banci yang mendukung kenyataan sebegini.
3. "Population by mother tongue" (http://www40.statcan.ca/l01/cst01/demo11a.htm). *Statistics Canada*.
4. **Ralat petik: Tag `<ref>` tidak sah; teks bagi rujukan `Belizecen` tidak disediakan**
5. **Ralat petik: Tag `<ref>` tidak sah; teks bagi rujukan `Russian` tidak disediakan**
6. **Ralat petik: Tag `<ref>` tidak sah; teks bagi rujukan `US Spanish` tidak disediakan**

Pautan luar

- **(Inggeris)** Laporan Ethnologue bagi bahasa Sepanyol (http://www.ethnologue.com/show_language.asp?code=spa)
- **(Inggeris)** Evolusi bahasa Sepanyol dari bahasa Latin (http://www.webcitation.org/query?id=1256456620451285&url=www.geocities.com/Athens/Aegean/2444/splatin.html)

- **(Sepanyol)** Kamus RAE (http://buscon.rae.es/diccionario/drae.htm) Kamus bahasa Sepanyol rasmi Real Academia Española
- **(Inggeris)** The Project Gutenberg EBook of A First Spanish Reader (http://www.gutenberg.org/files/15353/15353-h/15353-h.htm#e1) oleh Erwin W. Roessler dan Alfred Remy.
- Laman web rasmi ¡Colorin Colorado! (http://www.colorincolorado.org)
- **(Inggeris)** Practice Spanish (http://www.languageexercise.com/main)

L • B • S (https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Templat:Bahasa_rasmi_PBB&action=edit)

Bahasa rasmi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

Arab • Cina • Inggeris • Perancis • Rusia • Sepanyol

Sumber: Laman Rasmi PBB (http://www.un.org/Depts/DGACM/faq_languages.htm)

Wikipedia ***Bahasa Sepanyol***, ensiklopedia bebas

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Sepanyol&oldid=4834673"

Laman ini kali terakhir disunting pada 07:22, 9 Jun 2020.

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.